

05/09/1999

Pelabur asing terus yakin ekonomi Malaysia

Kadir Dikoh

SETAHUN lalu apabila Malaysia mengejutkan dunia dengan memperkenalkan langkah kawalan modal pada 1 September, spekulator mata wang, George Soros, menyifatkan langkah itu sebagai melampau. Business Week melabelkan Malaysia sebagai Ekonomi Pembelot.

The New York Times melaporkan pegawai kanan pentadbiran Clinton sebagai berkata peristiwa di Malaysia sebagai satu tragedi dan menganggap langkah itu sebagai kegagalan yang hebat.

Majalah Time memetik pakar yang berpusat di Bangkok sebagai berkata: "Mahathir sedang mengubah Malaysia menjadi sebuah Myanmar. Ia akan mewujudkan pasaran gelap untuk mata wang dan akan berlaku panik di dalam negara untuk membeli dolar Amerika Syarikat."

Ahli ekonomi ternama, Milton Friedman, memberitahu dunia bahawa tindakan Malaysia adalah "pilihan paling buruk yang mungkin".

International Herald Tribune mengisytiharkan bahawa Malaysia minggu lalu menutup pintunya kepada ekonomi sejagat, satu kenyataan yang amat keras.

Itu adalah antara ulasan pakar ekonomi asing dan tajuk berita akhbar serta majalah asing selain laporan agensi beritanya sebaik saja Malaysia memperkenalkan dasar kawalan modal pada 1 September 1998. Dan banyak lagi laporan negatif, seolah-olah Malaysia melakukan satu dosa besar kepada dunia.

Ketika itu, pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) jatuh pada tahap terendah, 262.70 mata.

Malaysia menerima kecaman hebat dan agak malang sekali, pada ketika itu juga tercetus kegawatan politik dalam negara berikutan pemecatan rakan Pengarah Urusan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Michel Camdessus iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan Umno.

"Ini adalah satu negara yang pelabur boleh batalkan daripada senarai pelaburan sejagatnya... tinggalkan Malaysia dan lebih baik letakkan wang di Pakistan", kata satu kenyataan sebuah syarikat sekuriti dari Perancis, Credit Lyonnais Securities Asia ketika itu.

Setahun kemudian, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang selama ini dianggap Barat sebagai mengamalkan dasar ekonomi yang menongkah arus, membuktikan semua tanggapan serta tuduhan itu, meleset.

Kebimbangan kemungkinan pengaliran keluar dana secara besar-besaran pada 1 September 1999, juga tidak berlaku.

Malah, BSKL mengharungi tarikh 1 September itu tanpa sebarang kejutan dengan kebanyakan pelabur asing membuat keputusan untuk terus melabur. Rabu lalu, cuma AS\$328 juta (RM1.246 bilion) dan Khamis pula hanya AS\$78 juta (RM296.4 juta) pelaburan portfolio asing dibawa keluar, berbanding ramalan sebelum ini konon angka itu boleh mencecah sehingga RM20 bilion. Pada hari ketiga Jumaat kelmarin, jumlah yang dibawa keluar menerusi akaun luar itu terus menurun kepada cuma AS\$50 juta (RM190 juta).

Sebelum Rabu lalu (1 September), dana portfolio yang masuk ke negara ini pada 1 September 1998 atau sebelumnya, dikenakan cukai keluar 10 peratus jika dihantar pulang.

Memandangkan tiada berlaku pengaliran keluar dana secara besar-besaran itu jelas menunjukkan pelabur asing tetap yakin dengan kekukuhan asasi ekonomi Malaysia.

Tidak keterlaluan dikatakan bahawa yang mengembar-gemburkan berita mengenai pengaliran dana itu selama ini sebenarnya adalah media asing dan turut didorong oleh penganalisis asing yang sememangnya sentiasa memandang

negatif terhadap senario ekonomi dan politik Malaysia.

Contoh terbaru ialah laporan sebuah agensi berita asing kelmarin konon pelabur masih bimbang sejauh mana benar angka dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia mengenai jumlah pengaliran keluar dana selepas 1 September lalu itu.

Mereka khuatir konon jumlah sebenar itu jauh lebih tinggi daripada yang diumumkan. Di sinilah menampakkan kejahilan mereka apabila pemikiran terus dikerumuni pendapat yang negatif semata-mata.

Selama ini pun, parti pembangkang dalam negara bagaikan terikut-ikut dengan persepsi Barat dan mendakwa pemulihan ekonomi negara sebagai palsu di sebalik petunjuk positif yang jelas mengenai kadar pertumbuhan, jualan kenderaan, peningkatan eksport, akaun semasa, peningkatan rizab asing, indeks kepenggunaan, indeks keyakinan dan jualan perusahaan.

Pelabur sendiri tahu, walau apapun yang mereka dengar dan baca, mereka sendiri akhirnya membuat keputusan pelaburan. Mereka tahu di mana dan bila untuk melabur.

Malah BSKL tidak terjejas dengan ketara pada Rabu lalu dengan indeks kompositnya cuma menurun 14.15 mata untuk ditutup pada 752.91 mata. Dalam tempoh setahun lalu, pasaran sudah melantun kembali untuk naik kira-kira 180 peratus ke tahap sekarang berbanding September tahun lalu.

Sejak Rabu lalu juga, tiada berlaku tekanan jualan kerana mereka yang ingin berbuat demikian, sudah melakukannya sebelum ini. Kebanyakan pengurus dana asing dilaporkan masih mempunyai portfolio di negara ini dan belum melupuskan pegangan mereka.

"Oleh itu, potensi aliran kenaikan di BSKL kini semakin mantap terutama apabila petunjuk pemulihan ekonomi semakin ketara," kata Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Dr Zainal Aznam Yusof.

Tekanan jualan cuma berlaku di pasaran Ogos lalu. Indeks Komposit di BSKL mencecah paras tertinggi tahun ini mencatat 851.67, pada 9 Julai lalu, tetapi cuma menghadapi tekanan apabila ia turun ke paras 668.21 pada 9 Ogos.

Bagi kebanyakan pelabur asing, Malaysia kembali menjanjikan pelaburan menarik apabila ia dimasukkan semula ke dalam tanda aras Morgan Stanley Capital International (MSCI) Februari lalu.

"Ini adalah antara perkiraan mereka apabila tidak menghiraukan 1 September untuk terus mengekalkan pegangan mereka di Malaysia. Sesetengahnya menyesal apabila menarik keluar dana sebelum pengumuman oleh MSCI baru-baru ini," kata seorang penganalisis.

Malah, pengaliran masuk RM4 bilion dana asing sudah berlaku di antara Februari dan akhir Ogos lalu, apabila tempoh setahun moratorium membawa keluar dana, digantikan dengan cukai keluar berkuatkuasa 15 Februari.

Kawalan modal itu turut merangkumi langkah menetapkan kadar ringgit pada RM3.80 berbanding satu dolar Amerika dan tidak memperakui urusan niaga ringgit di luar pesisir. Langkah ini menamatkan terus kegiatan pedagang mata wang untuk urusan niaga ringgit di luar Malaysia.

Berdasarkan hakikat ini, Perdana Menteri dalam sidang akhbar selepas memberi ucapan di simposium sempena ulang tahun pertama kawalan modal Khamis lalu, menegaskan bahawa Malaysia tidak berhasrat menarik balik dasar itu kerana ia tidak menimbulkan sebarang masalah.

"Kawalan modal ini tidak memudaratkan sesiapa. Kenapa ada yang berkata mengapa tidak gugurkan kawalan ini. Ia tidak menimbulkan masalah kepada kita, ia tidak menimbulkan masalah kepada sesiapa." kata Dr Mahathir.

Penasihat khas kepada Menteri Kewangan Jepun, Dr Eisuke Sakakibara yang lebih dikenali dengan nama jolokan Mr Yen berkata kawalan modal yang diperkenalkan Malaysia adalah berguna untuk menangani krisis kewangan.

Katanya, ia harus dianggap sebagai pilihan terbaik yang boleh dicontohi oleh pihak berkuasa lain di rantau ini.

"Kawalan modal secara berpilih Malaysia amat berguna dalam mena-ngani krisis kewangan kerana negara ini mempunyai lebih dagangan dan kecekapan bank pusatnya untuk mengawal selia urus niaga.

"Oleh itu, dasar ini boleh dianggap sebagai dasar pilihan untuk ekonomi baru muncul dalam menghadapi ketidakpastian pasaran," katanya ketika sesi dialog selepas berucap mengenai Cabaran Baru Kapitalis Siber di satu simposium di Kuala Lumpur, Khamis lalu.

Sakakibara yang diundang khas ke ibu negara untuk menyampaikan ceramah di Simposium Antarabangsa mengenai Kawalan Modal dan Kerjasama Kewangan Asia itu juga sependapat dengan Dr Mahathir bahawa kegiatan spekulator mata wang perlu dikawal selia.

Katanya, kegiatan urus niaga mata wang perlu didisiplinkan kerana banyak memberi kesan buruk.

"Peraturan antarabangsa perlu dikenakan terhadap pedagang mata wang. Prasarana dalam persekitaran perdagangan mata wang harus diwujudkan. Kita mahu peraturan antarabangsa yang sesuai dan perdagangan mata wang yang lebih teratur. Perdagangan mata wang tidak memberi manfaat," katanya.

Mengimbau kembali ketika beliau melawat spekulator mata wang George Soros pada Oktober 1998, Sakakibara berkata Soros berada dalam keadaan yang tidak bersemangat.

"Dia seolah-olah terbabit dalam tragedi Greek. Kita tahu bagaimana kisahnya, tetapi tidak ada siapa yang boleh mengelaknya," katanya.

(END)